

31 AUG 1998

Merdeka-Sambutan (Rangkuman)

KEGAWATAN EKONOMI MENEBAK SEMANGAT PATRIOTISME

PULAU PINANG, 31 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia hari ini menyambut hari kebangsaan ke-41 dengan penuh keceriaan dan semangat patriotisme yang jelas tidak dilunturkan oleh kegawatan ekonomi yang melanda negara malahan kelihatan semakin menebal dan bersemarak.

Semangat itu jelas kelihatan di wajah ribuan rakyat yang menghadiri acara sambutan dan perbarisan peringkat kebangsaan di hadapan Padang Universiti Sains Malaysia (USM) di sini pagi ini.

Hujan renyai-renyai yang turun di penghujung sambutan gilang gemilang yang berlangsung selama dua jam itu ternyata tidak memadamkan semangat cintakan negara yang terserlah pada perayaan itu, malahan kelihatan seperti rahmat menyirami negara bertuah ini.

Ribuan orang dari segenap lapisan umur dan masyarakat berduyun-duyun sejak subuh membarisi sepanjang Jalan Sultan Azlan Shah untuk menyaksikan sambutan itu yang bermula pukul 8 pagi.

Pembesar dan kenamaan yang menyaksikan upacara itu ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah serta Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dan isteri Toh Puan Siti Zainab Baharuddin.

Yang turut berada di atas Pentas DiRaja itu ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan hampir kesemua menteri kabinet serta barisan Exco Kerajaan Negeri.

Dr Mahathir tiba dengan memandu sendiri kereta pacuan empat roda Kembara, kereta terbaru keluaran syarikat pengeluar kereta negara Perodua.

Antara acara menarik pada sambutan itu ialah perbarisan diketuai Rejimen Askar Melayu Diraja, lintas hormat dan persembahan akrobatik udara oleh lapan pesawat pejuang TUDM, iaitu masing-masing empat pesawat F18 dan Hawk, terbang lintas lima buah helikopter TUDM dengan mengibarkan Jalur Gemilang, pemeriksaan barisan penghormatan terdiri daripada Tentera Laut diRaja Malaysia (TLDM) oleh Tuanku Ja'afar.

Perarakan disertai 67 kontinjen dan 26 pasukan pancaragam terdiri daripada sejumlah 7,972 peserta yang mempamerkan pelbagai ragam pakaian yang menarik.

Perbarisan berkawad diakhiri oleh pasukan Chingay Pulau Pinang yang membuat persembahan di hadapan pentas kenamaan sebelum upacara perbarisan berkenderaan yang didahului kumpulan motosikal berkuasa tinggi dan berakhir dengan perbarisan kenderaan angkatan tentera.

"Sambutan kali ini walaupun diadakan dalam keadaan kegawatan ekonomi tetap meriah," kata Nadia Rosli, 23, pelajar Universiti Sains Malaysia (USM).

"Selalunya saya menyaksikan di tv tetapi oleh kerana perayaan ini diadakan di Pulau Piang saya dan keluarga tak mahu melepaskan peluang," kata Lim Teck Choon, 30, dari Kulim yang sanggup bertolak awal pagi untuk membawa keluarganya, terutama anaknya yang berusia lima tahun menyaksikan acara sambutan itu.

Tema Hari Kebangsaan tahun ini ialah "Negara Kita Tanggungjawab Kita".

Selaras dengan itu, Dr Mahathir dalam perutusan Hari Kebangsaan mengajak rakyat berganding bahu dengan kerajaan memulihkan ekonomi negara dan mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan negara.

"Rakyat Malaysia harus menerima hakikat bahawa mereka mesti bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pengurusan negara," kata Dr

Mahathir dalam perutusannya yang disiarkan oleh RTM dan semua stesen televisyen tempatan. Perutusan itu turut diulang siarannya pagi ini.

Acara sambutan di PULAU PINANG bermula tengah malam tadi di Padang Kota Lama di mana Dr Mahathir bersama-sama orang ramai melaungkan "Merdeka dan Malaysia Boleh" selepas nyanyian lagu kebangsaan "Negaraku" yang serentak dengan upacara menaikkan Jalur Gemilang, tepat pukul 12 tengah malam.

Antara yang hadir ialah Anwar Ibrahim, Koh Tsu Koon, Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik dan Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang Datuk Mohd Shariff Omar.

Di KUCHING, lebih 7,000 orang berhimpun di Padang Merdeka. Turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan timbalannya, Tan Sri Alfred Jabu dan beberapa anggota kabinet negeri yang lain.

Abdul Taib menaikkan bendera negeri dan "Jalur Gemilang" bagi menandakan betapa negeri ini menjulang semangat dan rasa kesyukuran menyertai Malaysia sejak 35 tahun lalu.

Turut diadakan pada perhimpunan itu ialah senamrobik, pembacaan puisi oleh Zakaria Abdul Manan, johan sayembara deklamasi puisi peringkat negeri yang diadakan sempena Hari Kemerdekaan.

Di KOTA KINABALU, lebih 3,000 orang terdiri daripada 50 kontinjen pelbagai jabatan dan pertubuhan menyertai perarakan mulai 7.30 pagi yang berakhir di Padang Bandaran Kota Kinabalu pukul 9.30 pagi.

Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai menerima tabik hormat dari anggota kontinjen dan juga dari pasukan kawalan kehormatan yang terdiri daripada 103 anggota dan dua pegawai diketuai Mejar Mohd Rozi Razak dari Pasukan 3 RAMD.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok dan menteri-menteri negeri turut hadir di samping pegawai-pegawai kanan Persekutuan dan Negeri, serta konsul perwakilan asing.

Di KUANTAN, kira-kira 10,000 orang membanjiri kawasan berhampiran padang Majlis Perbandaran Kuantan awal pagi untuk perayaan hari kebangsaan.

Pemangku Raja Pahang memeriksa perbarisan kehormatan, diikuti upacara menaikkan bendera, ikrar, koir dan persembahan kebudayaan pelbagai kaum.

Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Abdul Ghani Sulaiman dan anggota-anggota Exco Kerajaan Negeri turut hadir.

Di KOTA BAHARU, 10,000 orang menyaksikan sambutan di Stadium Sultan Mohamad ke-IV yang dimeriahkan dengan acara kemuncak Larian Baton Sukan Komanwel peringkat negeri Kelantan yang diiringi pasukan berkuda, pasukan bermotosikal antik dan bekas jaguh olahraga negara Hashim Mustapa dan Nik Fauzi Hassan.

Nik Fauzi menyerahkan baton itu kepada Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang kemudian menyerahkan baton kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Wan Hashim Wan Daud untuk acara larian baton selanjutnya ke Terengganu.

Terdahulu, lebih 2,000 orang daripada 90 kontinjen yang terdiri daripada jabatan dan agensi kerajaan, syarikat swasta, badan sukarela, polis dan tentera mengambil bahagian dalam perarakan.

Sambutan itu juga dimeriahkan dengan pertunjukan gerak kreatif oleh para pelajar, nasyid, persembahan koir, deklamasi sajak dan persembahan silat gayong oleh Pasukan Seni Silat Gayong Malaysia Kelantan.

Di ALOR SETAR, hampir 3,000 menyertai sambutan di Stadium Darul Aman bersama-sama Sultan dan Raja Muda Kedah, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan anggota majlis mesyuarat kerajaan negeri serta dif-dif kenamaan.

Sultan Kedah berkenan menerima tabik hormat dari 122 kontingen melibatkan pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, swasta serta sekolah-sekolah yang mengambil bahagian dalam perarakan itu.

Di IPOH, 64 kontinjen terdiri dari wakil agensi kerajaan, swasta dan pelajar sekolah menyertai perarakan di Dataran Bangunan Perak Darul

Ridzuan, kompleks pejabat kerajaan negeri yang baru siap.

Sultan Perak Sultan Azlan Shah dan Raja Perempuan Perak Tuanku Bainun serta Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isteri Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah turut hadir.

Di JOHOR, sambutan diadakan di Daerah Mersing iaitu kira-kira 136 km dari Johor Baharu. Sambutan bermula 6.30 petang semalam dengan majlis tahlil, doa kesyukuran dan syarahan agama di Masjid Jamek Mersing.

Sebelah malam pula, pelbagai persembahan kebudayaan diadakan di Dataran Sri Mersing diikuti dengan acara menaikkan bendera dan perarakan bot berhias.

Pagi ini, upacara sambutan dimulakan dengan perarakan perbarisan diadakan di Stadium Mini Mersing yang disertai lebih 7,000 orang dari pelbagai lapisan masyarakat.

Turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Exco-exco kerajaan negeri dan ketua-ketua jabatan.

Dalam ucapannya, Abdul Ghani mengajak rakyat agar terus berjuang mempertahankan kedaulatan negara terutamanya ketika negara dilanda masalah ekonomi kini.

"Perjuangan kita itu mestilah bertunjangan kepada kebijaksanaan, musyawarah, perpaduan dan kesepakatan untuk menemukan jalan keluar yang terbaik daripada kegawatan ekonomi," katanya.

Katanya semua pihak perlu berganding bahu menggabungkan usaha demi negara tercinta dan menyokong segala usaha dan pelan tindakan pemulihan ekonomi negara.

-- BERNAMA

TM NZ ZKS AKD